



اَوْنُوْرُسِيْتِيْ تِيْكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA ENCIK MUSTAPA MANSOR BIN AMER
MUHAMAD ISA PENERUSI MAJLIS SOLIDARITI MADANI MALAYSIA

OLEH

MOHAMMAD IZWAN SHAFRIZAN BIN MAZLAN 2012586551

MOHAMAD SYAZREN QARNAIN BIN MOHAMAD SAFUDDIN 2012539719

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IMR 604 DOKUMENTASI LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014-JULAI 2014)

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	2
Abstrak	3
Biodata	4
Pengenalan	5-6
Transkrip	7-64
Senarai soalan	65-71
Log temubual	72-76
Kronologi	77-83
Indeks	84-90
Singkatan	91
Ralat	92
Lampiran	93-98
Rujukan	99

1.0 PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 603 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Encik Mohd Faizal Bin Ramsi yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Encik Mustapa Mansor, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan sahabat beliau, Encik Mohd Anuar Mohd Yusop yang telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai tokoh. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

2.0 ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Encik Mustapa Mansor Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Organisasi MASSA dan Pengalaman Beliau Sebagai Antarabangsa.

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Mustapa Mansor mengenai kerjaya beliau dalam organisasi MASSA dan pengalaman beliau sebagai seorang sukarelawan dimana beliau sudah lama berkecimpung dan berpengalaman di dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam pejabat MASSA di Plaza Idaman, Gombak pada 21 Mei 2014 bermula jam 11 pagi. Beliau merupakan salah seorang Aktivis Antarabangsa yang harus dicontohi kerana menceburkan diri dalam pelbagai aktiviti sukarelawan sejak beberapa tahun lalu ketika beliau mula-mula menjinakkan diri sehingga ke hari ini. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sebagai seorang Aktivis Antarabangsa. Selain itu, temubual ini menumpukan tentang pengalaman yang beliau lalui sewaktu misi menghantar bantuan ke Gaza bersama aktivis-aktivis antarabangsa lain dimana mereka telah ditawan dan ditangkap kemudian dijadikan tahanan di sebuah penjara yang terletak di Israel. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung ke dalam dunia kesukarelawan bersama MASSA dan beberapa organisasi bukan kerajaan yang lain. Selain itu, beberapa pendapat beliau dikongsikan bersama mengenai keadaan rakyat di negara-negara bergolak seperti Thailand, Syria dan Palestin.*

3.0 BIODATA



Nama : Mustapa Mansor Bin Amer Muhamad Isa

Umur : 52

Tarikh Lahir : 29 Mei 1962

Tempat Lahir : Kampung Rambai Tujuh, Kuala Kangsar, Perak

Pekerjaan : Pengerusi Pertubuhan Solidariti Madani Malaysia

Status : Sudah Berkahwin

Nama isteri : Hajah Litasari

Anak :

1. Atiqah Binti Mustapa Mansor
2. Amir Miqhdad Binti Mustapa Mansor
3. Lubainah Uffa Binti Mustapa Mansor
4. Amir Muhammad Qayyim Bin Mustapa Mansor
5. Amir Ahmad Amin, Brahtil Bin Mustapa Mansor
6. Amir Muhammad Illyas, Brahtil
7. Amir Musthapa Yaacob, Brahtil
8. Amir Safuan, Brahtil